

**PAS persoal niat Mahathir bangkit hudud**  
**The Malaysian Insider**  
**22 September , 2011**  
**Oleh Syed Mu'az Syed Putra**

KUALA LUMPUR, 22 Sept — Ahli jawatankuasa kerja PAS pusat Dr Dzulkefly Ahmad mempersoalkan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad mencabar kerajaan negeri Kelantan melaksanakan hukum hudud sambil mendakwa ia sengaja dibangkitkan untuk menggugat Pakatan Rakyat.

Dzulkefly menegaskan bekas perdana menteri itu merancang untuk melemahkan Pakatan Rakyat melalui hukum hudud yang menjadi perjuangan PAS selama ini ekoran pilihan raya umum ke-13 yang akan diadakan tidak lama lagi.

"PAS semasa mengambil alih Kelantan pada 1990 mahu melaksanakan hukum hudud tetapi Tun Mahathir telah menulis dan memberi amaran keras kepada Tok Guru (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat) supaya tidak melaksanakan hukum hudud tapi sekarang bila sudah tidak jadi perdana menteri beliau cabar Tok Guru laksanakan.

"Kita tahu tentang pelaksanaan hukum hudud, mungkin ketika itu Tun Mahathir masih belum jadi perdana menteri, namun ia masih terikat di bawah Akta Mahkamah Syariah 1965 yang digubal dan membataskan pelaksanaannya," katanya pada sidang media ringkas di ibu pejabat PAS di sini.

Semalam Dr Mahathir mencabar Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan melaksanakan hukum hudud di Kelantan sekarang memandangkan beliau tidak lagi menjadi perdana menteri, yang dahulunya dianggap menghalang hasrat kerajaan negeri itu.

Dalam respons di laman sosial Facebook pagi ini, Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS memohon Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak agar menarik balik surat, yang dikeluarkan ketika pentadbiran Dr Mahathir untuk menghalang pelaksanaan hukum hudud dan membenarkan Kelantan melaksanakan undang-undang itu jika Umno benar-benar Umno berjuang untuk agama.

Tegas Dzulkefly, PAS yang kini bersama PKR dan DAP dalam Pakatan Rakyat tidak akan terpengaruh dengan cabaran itu dan akan bertindak dengan matang dan bijaksana.

"Mengapa Tun Mahathir mengangkat isu ini di masa suasana pilihan raya umum ke-13 dan jelas ia berniat jahat bagi orang yang berfikiran waras... kita percaya ia sengaja ditimbulkan untuk memporakperandakan Pakatan Rakyat.

"Saya nak tegaskan kepada Tun Mahathir dan Umno bahawa PAS dengan semangat muafakat politik Pakatan Rakyat, PAS sebagai sebuah parti Islam juga merupakan parti yang demokratik, sah di sudut undang-undang dan kita akan mengambil kaedah demokrasi dan tidak akan membenarkan Islam dipaksa khususnya hukum jenayah syariah seperti mana yang ditakutkan dan dimomokkan musuh-musuh Islam," katanya.

Ahli Parlimen Kuala Selangor ini menambah PAS yang kini diterajui Datuk Seri Abdul Hadi Awang akan sentiasa berbincang bagi mendapat keputusan yang boleh diterima rakyat.

"Tun Mahathir silap kerana kemukakan cabaran pada hari ini, beliau ingat PAS sama seperti dulu... PAS tidak akan tersilap dan kita yakin rakyat tidak akan takut kepada undang-undang Islam kerana ia membawa kebaikan.

"Yang perlu takut adalah mereka yang bersalah, perompak dan pencuri yang merompak harta rakyat, mereka ini yang takut, kita ingatkan Tun Mahathir agar jangan melampau dalam perkara yang beliau sendiri larang kerana ia akan mendedahkan pekung di dada sendiri," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-persoal-niat-mahathir-ban-gkit-hudud/>